

KEUPAYAAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN BERASASKAN IHES

(The Ability Of Islamic Education Teachers To Implement Teaching Based On Ihes)

* Sapie Sabilan¹, Mohamad Fuad Ishak², Suhana Mohamed Lip³, Shazarina Zdainal Abidin³, Suziana Hanani Sulaiman⁴

Submitted: 29-Apr-2024
Accepted: 13-Jun-2024
Revised: 16-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: sapie@uis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis keupayaan guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam melakukan pengajaran dan pembelajaran (PdP) setelah mengikuti program latihan guru berasaskan Integrated Holistic Education System (IHES). Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick bagi menghuraikan aspek pembelajaran (pengetahuan, kemahiran dan sikap) guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan PdP. Kajian ini adalah sebahagian kecil daripada data penyelidikan di peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah. Sampel kajian adalah terdiri daripada 535 orang guru SRA JAIS daripada jumlah populasi seramai 5,489 orang guru yang meliputi sembilan daerah di Selangor. Dalam program tersebut, para peserta kursus didedahkan tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan IHES. Analisis kajian dilakukan dengan menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 bagi data kuantitatif yang diperolehi secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan nilai min keseluruhan adalah tinggi pada aspek pengetahuan dan sikap guru kecuali pada aspek kemahiran guru yang memperolehi skor min keseluruhan sederhana tinggi. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya pihak JAIS memberikan latihan yang khusus berkaitan kemahiran guru berkaitan pengajaran secara integrasi untuk menambahbaik kualiti pengajaran guru. Kesimpulannya, keupayaan guru-guru SRA JAIS adalah baik keseluruhannya dari aspek pengetahuan dan sikap guru serta perlu penambahbaikan berterusan berkaitan kemahiran PdP guru dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa pendidikan masa kini.

Kata kunci: Pengetahuan, kemahiran, sikap, latihan guru, IHES

Abstract

This study aims to analyze the ability of Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) teachers in conducting teaching and learning (PdP) after attending the Integrated Holistic Education System (IHES) based teacher training program. The design of this study uses a quantitative approach by using a questionnaire as the instrument of the study based on the Kirkpatrick Assessment Model to describe the learning aspects (knowledge, skills and attitudes) of SRA JAIS teachers in implementing PdP. This study is a small part of the research data for a Doctor of Philosophy degree. The study sample consists of 535 SRA JAIS teachers from a total population of 5,489 teachers covering nine districts in Selangor. In the program, course participants are exposed to the implementation of teaching and learning based on IHES. The study sample consisted of 535 SRA JAIS teachers from a total population of 5,489 teachers covering nine districts in Selangor. In the program, course participants are introduced to the implementation of IHES-based teaching and learning. The study analysis was conducted using the SPSS version 22.0 software program for quantitative data obtained descriptively. The results of

the study showed that the overall min score was high in the aspects of teacher knowledge and attitude except for the aspect of teacher skills which obtained a modest high overall min score. The implication of this study suggests that the JAIS provide specialized training on teachers' skills related to integrated teaching to improve the quality of teachers' teaching. In conclusion, the ability of SRA JAIS teachers is good overall from the aspect of teachers' knowledge and attitude and needs continuous improvement related to teachers' PdP skills from time to time in accordance with the needs and current development of education.

Keywords: Knowledge, skills, attitudes, teacher training, IHES

1.0 PENDAHULUAN

Bidang perguruan merupakan suatu bidang profesional yang diwujudkan untuk membangunkan elemen bangsa dan negara ke arah masyarakat madani yang merangkumi aspek sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi. Pencapaian tahap kemajuan ini mempunyai tujuan akhir iaitu melahirkan komuniti masyarakat yang harmoni, berdisiplin, bertanggungjawab dan terlatih (Abdul Ghafar Don et al., 2015; Karwadi, 2009). Sejalan dengan gagasan ini, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertanggungjawab memastikan kualiti para guru yang berkhidmat di tahap yang baik. Usaha membangunkan kualiti profesionalisme keguruan tersebut dilaksanakan melalui penganjuran pelbagai program latihan guru. Dalam hal ini, guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai agen dalam menyalur dan memindahkan ilmu secara formal dan tidak formal dalam hal amalan keagamaan, pemupukan nilai-nilai dan penghayatan Islam kepada pelajar. Para guru perlu jelas dalam amalan profesional seperti memahami kandungan kurikulum, penguasaan ilmu bidang, pemilihan dalam kaedah pengajaran yang sesuai dengan situasi pelajar masa kini dan sentiasa bersemangat untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak, 2018).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Program latihan guru SRA JAIS telah dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan profesionalisme guru. Sejak tahun 2015, JAIS menerapkan Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) di semua sekolah di bawahnya. Dasar ini menggalakkan guru-guru untuk mengintegrasikan IHES dalam sesi PdPc di sekolah. Pelaksanaannya memberi fokus pada pengajaran yang menggabungkan ilmu naqli dan aqli serta pembangunan menyeluruh dari aspek JERI murid-murid. Pendekatan ini bertujuan mengubah konsep pembelajaran teori kepada pendekatan yang lebih praktikal, sejajar dengan FPK dan FPI JAIS (Mohammad Amir Danuri, 2017; Muhamad Asmadi Mustakim, 2017).

Di Selangor, pihak JAIS telah melaksanakan program latihan kepada guru-guru yang berkhidmat di bawahnya secara berkala dan mengikut keperluan. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kualiti dan profesionalisme keguruannya secara berperingkat-peringkat berdasarkan modul-modul yang dibangunkan. Penyertaan program latihan guru tersebut mensasarkan semua guru yang bertugas di SRA dan SRAI yang terdiri daripada guru tetap, guru kontrak, guru sambilan dan guru KAFA (Kelas Asas Fardu Ain). Walaupun demikian, isu-isu latihan guru masih berlaku di JAIS (Mohamad Fuad Ishak et al., 2015). Berdasarkan kajian Mohd Faez Illias et al., (2017) menjelaskan bahawa kursus latihan kepada para guru yang dikendalikan di ILDAS dalam tempoh tiga tahun iaitu dari 2015 hingga 2017 dianggarkan sebanyak 100 jenis kursus sahaja. Tambahan pula, pihak JAIS secara praktiknya tidak mewajibkan program LDP dijalankan berbanding pelaksanaannya di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kajian ini diperlukan untuk menilai keupayaan guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan sesi PdP berasaskan IHES. Faktor yang mendorong perlunya kajian ini termasuk latar belakang pendidikan yang pelbagai, kekurangan latihan dalam pengajaran IHES dan pelbagai status perjawatan guru. Kehadiran situasi ini mendesak untuk meningkatkan penguasaan guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran IHES serta pemilihan pendekatan pengajaran yang berfokus kepada murid (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015; Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018). Maka dengan ini, satu kajian khusus berkaitan isu-isu tersebut akan dibahas dalam kajian ini.

3.0 TUJUAN, OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

3.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti keupayaan guru-guru SRA JAIS dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melaksanakan sesi PdP berasaskan IHES. Objektif dan persoalan kajian adalah seperti berikut;

3.2 Objektif Kajian

Mengenalpasti keupayaan guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan sesi PdP berasaskan IHES.

3.3 Persoalan Kajian

Apakah tahap keupayaan guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan sesi PdP berasaskan IHES?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan berpandukan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Kajian tinjauan adalah kaedah pengkajian secara deskriptif yang dapat mengumpul data berhubung fenomena yang tidak dapat dilihat secara langsung (Mohd Isa Hamzah et al., 2018). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 untuk menganalisis data kuantitatif yang diperolehi secara deskriptif.

4.1 Sampel Kajian

Populasi kajian ini berjumlah 5,489 orang dan sampelnya terdiri daripada guru-guru SRA JAIS iaitu guru tetap, kontrak, KAFA, dan sambilan yang mengajar di sembilan daerah di Selangor iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor dan Petaling. Sebanyak 535 orang guru terlibat sebagai sampel kajian sesuai dengan penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970). Penyelidik menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata atau *stratified random sampling* (Tabachnick & Fidell, 2012). Namun, dalam kajian ini saiz sampel yang digunakan melebihi had yang ditetapkan, menjadikan ianya lebih dipercayai dan meyakinkan menurut pandangan Gay et al. (2012).

4.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mengenal pasti tahap keupayaan guru-guru SRA JAIS dalam aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap melaksanakan pengajaran berasaskan IHES. Instrumen kajian ini terdiri daripada lapan bahagian, termasuk demografi responden dan penilaian pembelajaran. Pengkaji menggunakan Skala Likert lima peringkat iaitu 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju) (Mohd Azmi Mat Yusoff, 2016). Instrumen ini dimodifikasi dari kajian literatur dan disahkan melalui ujian Cronbach Alpha, kesahan muka, dan konstruk (I-CVI dan EFA) (Gay et al., 2012; Ramlan Mustapha, 2017).

4.3 Kaedah Penganalisis Data

Analisis data yang digunakan adalah statistik deskriptif. Untuk menjawab persoalan kajian pertama, pengkaji menggunakan interpretasi min. Tahap penilaian latihan

guru berdasarkan persepsi responden adalah: min 1.00-2.00 (rendah), min 2.01-3.00 (sederhana rendah), min 3.01-4.00 (sederhana tinggi), dan min 4.01-5.00 (tinggi) (Ahmad Munawar Ismail, 2009).

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dalam bahagian ini memaparkan data-data berkaitan tahap keupayaan guru-guru SRA JAIS dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk melaksanakan sesi PdP berasaskan IHES.

5.1 Tahap Keupayaan Guru-Guru Pendidikan Islam Dari Aspek Pengetahuan Melaksanakan Pengajaran Berasaskan IHES

Dalam bahagian ini mengandungi item-item untuk mendapatkan maklum balas responden tentang tahap pembelajaran dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru berkaitan pengajaran menggunakan IHES di sekolah. Jadual di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai item-item pengetahuan, kemahiran dan sikap guru setelah mengikuti program latihan guru melalui IHES.

Jadual 5.1 Tahap pengetahuan guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru

Bil	Pengetahuan	Frekuensi (Peratusan)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	SST	S	SS			
F1	Sistem pendidikan IHES dilaksanakan berasaskan amalan pembelajaran.	1 (0.2)	21 (3.9)	30 (5.6)	330 (61.7)	153 (28.6)	4.14	0.703	Tinggi
F2	HSP hendaklah dirujuk sebelum proses PdP dilaksanakan.	0 (0.0)	1 (0.2)	33 (6.2)	333 (62.2)	168 (31.4)	4.24	0.567	Tinggi
F3	BPMG adalah asas untuk merancang pengajaran berasaskan IHES dalam bilik darjah.	0 (0.0)	3 (0.6)	30 (5.6)	313 (58.5)	189 (35.3)	4.28	0.592	Tinggi
F4	Pembinaan RPH mengikut IHES dilakukan berpandukan BPMG.	0 (0.0)	4 (0.7)	31 (5.8)	311 (58.1)	189 (35.3)	4.28	0.602	Tinggi
F5i	Saya membina objektif pengajaran kepada tiga tahap iaitu rendah.	2 (0.4)	5 (0.9)	52 (9.7)	273 (51.0)	203 (37.9)	4.25	0.696	Tinggi
F5ii	Saya membina objektif pengajaran kepada tiga tahap iaitu sederhana.	1 (0.2)	2 (0.4)	50 (9.3)	278 (52.0)	204 (38.1)	4.27	0.657	Tinggi
F5iii	Saya membina objektif pengajaran kepada tiga tahap iaitu tinggi.	0 (0.0)	2 (0.4)	38 (7.1)	278 (52.0)	217 (40.6)	4.32	0.620	Tinggi
F6	Kaedah perbincangan adalah strategi pengajaran berpusatkan murid.	1 (0.2)	17 (3.2)	43 (8.0)	315 (58.9)	159 (29.7)	4.14	0.707	Tinggi
F7	<i>Ta'dib</i> adalah sebahagian daripada proses pendidikan.	0 (0.0)	1 (0.2)	24 (4.5)	306 (57.2)	204 (38.1)	4.33	0.568	Tinggi
F8	Pengajaran yang berkesan terhasil daripada penggabung jalinan antara strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam PdP.	0 (0.0)	1 (0.2)	20 (3.7)	295 (55.1)	219 (40.9)	4.36	0.564	Tinggi
F9	Tanggungjawab saya dalam sesi PdP	0 (0.0)	1 (0.2)	32 (6.0)	295 (55.1)	207 (38.7)	4.32	0.591	Tinggi

	menggunakan strategi berpusatkan murid adalah sebagai pemudahcara.								
F10i	Bahan-bahan pengajaran terdiri daripada bahan elektronik.	8 (1.5)	28 (5.2)	74 (13.8)	277 (51.8)	148 (27.7)	3.98	0.871	Sederhana tinggi
F10ii	Bahan-bahan pengajaran terdiri daripada bahan bukan elektronik.	3 (0.6)	2 (0.4)	45 (8.4)	321 (60.0)	164 (30.7)	4.19	0.646	Tinggi
F10iii	Bahan-bahan pengajaran terdiri daripada bahan majud.	0 (0.0)	1 (0.2)	25 (4.7)	302 (56.4)	207 (38.7)	4.33	0.573	Tinggi
F11	Kemahiran berfikir dalam IHES bertujuan mengembangkan potensi akal.	32 (6.0)	112 (20.9)	64 (12.0)	195 (36.4)	132 (24.7)	3.52	1.234	Sederhana tinggi
F12	Saya menjadikan diri saya sebagai contoh ikutan (<i>role model</i>) dalam pengajaran.	0 (0.0)	2 (0.4)	67 (12.5)	313 (58.5)	153 (28.6)	4.15	0.635	Tinggi
F13	Komponen ilmu, iman dan amal adalah sebahagian daripada proses bagi <i>standard</i> kemenjadian murid JAIS.	0 (0.0)	0 (0.0)	25 (4.7)	295 (55.1)	215 (40.2)	4.35	0.568	Tinggi
F14	Saya menilai pencapaian murid dengan mengemukakan soalan-soalan di akhir sesi PdPc.	0 (0.0)	19 (3.6)	39 (7.3)	294 (55.0)	183 (34.2)	4.19	0.720	Tinggi
F15	Refleksi pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan kualiti pengajaran guru.	37 (6.9)	114 (21.3)	77 (14.4)	178 (33.3)	129 (24.1)	3.46	1.254	Sederhana tinggi
	Min keseluruhan						4.16	0.703	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5.1, penilaian pembelajaran guru terhadap subkonstruk pengetahuan menunjukkan tahap skor tinggi dan sederhana tinggi iaitu di antara 3.46 hingga 4.36. Dapatan menunjukkan kebanyakan guru bersetuju bahawa pengajaran yang berkesan hasil daripada penggabungan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam PdPc (min = 4.36; SP = 0.564). Selain itu, komponen ilmu, iman dan amal adalah penting dalam *standard* kemenjadian murid JAIS (min = 4.35; SP = 0.568) dan guru memainkan peranan penting sebagai pemudahcara serta menggunakan strategi berpusatkan murid dalam PdPc (min = 4.32; SP = 0.591). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang menunjukkan pengetahuan guru berada pada tahap sederhana tinggi seperti pengetahuan tentang refleksi pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pengajaran (min = 3.46; SP = 1.254) dan penggunaan bahan pengajaran termasuk bahan elektronik (min = 3.98; SP = 0.871). Secara keseluruhan, soal selidik menunjukkan guru-guru SRA JAIS berpuas hati dengan pengetahuan yang diperolehi selepas program latihan guru berdasarkan skor min yang diperolehi (min = 4.16; SP = 0.703). Namun, terdapat juga item yang menunjukkan pengetahuan guru pada tahap sederhana tinggi seperti pengetahuan tentang bahan pengajaran elektronik, kemahiran berfikir dalam IHES dan amalan refleksi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 5.2 Tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru

Bil	Kemahiran	Frekuensi (Peratusan)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	SST	S	SS			
F16	Penulisan objektif pengajaran dan pembelajaran dalam RPH merangkumi objektif IHES (I&H).	38 (7.1)	136 (25.4)	82 (15.3)	168 (31.4)	111 (20.7)	3.33	1.254	Sederhana tinggi
F17	Saya dapat membahagikan kandungan HSP kepada dua penggal pembelajaran.	16 (3.0)	81 (15.1)	90 (16.8)	233 (43.6)	115 (21.5)	3.65	1.067	Sederhana tinggi
F18	Saya memulakan sesi PdPc dengan puji-pujian kepada Allah SWT.	1 (0.2)	5 (0.9)	20 (3.7)	232 (43.4)	277 (51.8)	4.45	0.634	Tinggi
F19	Saya menyemak setiap hasil pembelajaran mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.	19 (3.6)	70 (13.1)	56 (10.5)	222 (41.5)	168 (31.4)	3.84	1.112	Sederhana tinggi
F20i	Penilaian pembelajaran IHES kepada murid mencakupi domain kognitif.	0 (0.0)	1 (0.2)	53 (9.9)	283 (52.9)	198 (37.0)	4.26	0.637	Tinggi
F20ii	Penilaian pembelajaran IHES kepada murid mencakupi domain afektif.	0 (0.0)	2 (0.4)	46 (8.6)	286 (53.5)	201 (37.6)	4.28	0.630	Tinggi
F20iii	Penilaian pembelajaran IHES kepada murid mencakupi domain psikomotor.	0 (0.0)	4 (0.7)	57 (10.7)	275 (51.4)	199 (37.2)	4.25	0.668	Tinggi
F21	Saya mampu menggabungkan beberapa kaedah dalam satu set pembelajaran.	11 (2.1)	80 (15.0)	126 (23.6)	217 (40.6)	101 (18.9)	3.59	1.021	Sederhana tinggi
F22	Saya bertindak sebagai pembimbing kepada murid-murid saya.	7 (1.3)	10 (1.9)	30 (5.6)	280 (52.3)	208 (38.9)	4.25	0.756	Tinggi
F23	Saya mampu membina bahan pembelajaran mengikut kesesuaian isi pelajaran dan kaedah yang dipilih.	20 (3.7)	69 (12.9)	95 (17.8)	222 (41.5)	129 (24.1)	3.69	1.085	Sederhana tinggi
F24	Saya mengutamakan bahan-bahan pengajaran yang berguna dalam sesi PdPc.	2 (0.4)	13 (2.4)	55 (10.3)	306 (57.2)	159 (29.7)	4.13	0.716	Tinggi
F25	Saya menggunakan soalan aras tinggi untuk melatih murid berfikir.	19 (3.6)	82 (15.3)	159 (29.7)	212 (39.6)	63 (11.8)	3.40	0.999	Sederhana tinggi
F26	Saya menulis refleksi pengajaran dan pembelajaran di akhir sesi PdPc.	16 (3.0)	62 (11.6)	65 (12.1)	201 (37.6)	191 (35.7)	3.91	1.098	Sederhana tinggi
		Min keseluruhan					3.92	0.898	Sederhana tinggi

Berdasarkan Jadual 5.2, penilaian pembelajaran guru terhadap subkonstruk kemahiran setelah mengikuti latihan guru menunjukkan tahap skor yang tinggi dan sederhana tinggi iaitu di antara 3.33 hingga 4.45. Dapatan menunjukkan kebanyakan guru bersetuju untuk memulakan sesi PdPc dengan puji-pujian kepada Allah SWT (min

= 4.45; SP = 0.634). Selain itu, guru-guru mengakui keperluan menilai pembelajaran IHES meliputi domain kognitif (min = 4.26; SP = 0.637), afektif (min = 4.28; SP = 0.630) dan psikomotor (min = 4.25; SP = 0.668). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang menunjukkan kemahiran guru berada pada tahap sederhana tinggi, seperti penulisan objektif pengajaran dan pembelajaran dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang merangkumi objektif IHES (I&H) (min = 3.33; SP = 1.254), kemahiran menggunakan soalan aras tinggi untuk melatih murid berfikir (min = 3.40; SP = 0.999) dan kemampuan guru menggabungkan beberapa kaedah dalam satu set pembelajaran (min = 3.59; SP = 1.021). Secara keseluruhan, tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS setelah program latihan adalah memuaskan berdasarkan skor min yang diperolehi (min = 3.92; SP = 0.898).

Jadual 5.3 Tahap sikap guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru

Bil	Sikap	Frekuensi (Peratusan)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	SST	S	SS			
F27	Saya bertanggungjawab membina RPH mengikut IHES berpandukan BPMG.	0 (0.0)	0 (0.0)	29 (5.4)	267 (49.9)	239 (44.7)	4.39	0.589	Tinggi
F28	Saya peka bahawa proses PdPc lazimnya mempunyai peringkat permulaan, pengembangan dan penutup.	0 (0.0)	1 (0.2)	40 (7.5)	266 (49.7)	228 (42.6)	4.34	0.623	Tinggi
F29	Saya bersedia meneliti setiap tajuk dalam HSP dengan baik.	0 (0.0)	2 (0.4)	42 (7.9)	296 (55.3)	195 (36.4)	4.27	0.617	Tinggi
F30	Saya bertanggungjawab mengajar mengikut masa/waktu pengajaran yang ditetapkan.	0 (0.0)	2 (0.4)	27 (5.0)	265 (49.5)	241 (45.0)	4.39	0.602	Tinggi
F31	Saya berusaha menyediakan bahan yang bermanfaat sewaktu set induksi.	2 (0.4)	0 (0.0)	47 (8.8)	340 (63.6)	146 (27.3)	4.17	0.604	Tinggi
F32	Saya mengutamakan domain kognitif dalam penilaian pembelajaran IHES.	4 (0.7)	19 (3.6)	88 (16.4)	285 (53.3)	139 (26.0)	4.00	0.796	Tinggi
F33	Saya bertanggungjawab memilih strategi pengajaran mengikut tahap murid.	0 (0.0)	2 (0.4)	33 (6.2)	331 (61.9)	169 (31.6)	4.24	0.576	Tinggi
F34	Saya menasihati murid secara beradab dalam sesi PdPc.	0 (0.0)	0 (0.0)	19 (3.6)	300 (56.1)	216 (40.4)	4.36	0.551	Tinggi
F35	Saya menerapkan elemen kemenjadian murid berpandukan hasil pembelajaran yang dicapai oleh murid.	0 (0.0)	0 (0.0)	26 (4.9)	294 (55.0)	215 (40.2)	4.35	0.571	Tinggi
F36	Saya bertanggungjawab menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sesi PdPc.	1 (0.2)	8 (1.5)	69 (12.9)	291 (54.4)	166 (31.0)	4.14	0.703	Tinggi
Min keseluruhan						4.26	0.623	Tinggi	

Berdasarkan Jadual 5.3 menunjukkan tahap penilaian pembelajaran guru terhadap subkonstruk sikap setelah mengikuti latihan guru berada pada tahap skor min yang tinggi iaitu di antara 4.00 hingga 4.39. Antara dapatan yang tertinggi menunjukkan bahawa guru-guru bertanggungjawab membina RPH mengikut IHES berpandukan BPMG (min = 4.39 ; SP = 0.589) dan bertanggungjawab mengajar mengikut waktu pengajaran yang ditetapkan (min = 4.39 ; SP = 0.602). Secara

keseluruhannya menunjukkan tahap sikap guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru adalah sangat baik berdasarkan skor min yang diperolehi (min = 4.26 ; SP = 0.623).

Rumusan keseluruhan berkaitan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru SRA JAIS selepas mengikuti program latihan guru adalah sangat baik. Dari aspek pengetahuan, secara umumnya guru-guru SRA JAIS mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran berasaskan IHES. Namun demikian, terdapat beberapa aspek yang masih kurang difahami seperti pengetahuan penggunaan bahan-bahan elektronik, kemahiran berfikir dan amalan refleksi PdPc. Dari aspek kemahiran, menunjukkan guru-guru SRA JAIS masih kurang mahir dalam pelbagai aspek antaranya seperti penulisan objektif pengajaran. Sikap guru-guru SRA JAIS adalah sangat baik. Mereka mempunyai sikap tanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pengajaran berasaskan IHES.

6.0 PERBINCANGAN TAHAP KEUPAYAAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN BERASASKAN IHES

Dalam menghuraikan tahap keupayaan guru-guru SRA JAIS dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap setelah mengikuti kursus latihan guru berasaskan IHES boleh dibincangkan secara berasingan.

6.1 Pengetahuan

Perbincangan berkaitan tahap pengetahuan guru-guru setelah menyertai kursus latihan guru mencerminkan tahap pengetahuan tinggi dan mencukupi bagi guru-guru SRA JAIS melaksanakan IHES dalam PdPc di sekolah. Pengetahuan ini meliputi amalan pengajaran, BPMG, RPH, bahan pengajaran, pemilihan kaedah, strategi, pendekatan dan teknik, elemen kemenjadian murid, penilaian dan refleksi murid. Guru-guru SRA JAIS memiliki pengetahuan yang kukuh tentang pengajaran berdasarkan IHES dengan memfokuskan pada dokumen seperti sukatan pelajaran, Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) dan buku teks. Meskipun terdapat kekurangan dalam beberapa dokumen BPMG, ianya tidak mengurangkan pengetahuan mereka sebelum mengajar kerana dokumen tersebut diiktiraf sebagai panduan pengajaran. Mereka juga mahir dalam merancang RPH berdasarkan IHES dengan pembahagian aras objektif pengajaran kepada rendah, sederhana dan tinggi (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013a, 2013b). Pengetahuan mereka sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pendidikan Islam JAIS iaitu memberi penekanan pada pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid (Asmawati Suhid et al., 2015). Keseluruhannya, pengetahuan guru-guru ini mencapai tahap yang diinginkan oleh JAIS bagi menghasilkan kualiti pengajaran yang tinggi. Namun demikian, pemahaman guru tentang bahan pengajaran dalam PdPc berasaskan IHES menunjukkan skor min yang tidak sekata. Guru-guru terbiasa menggunakan bahan bukan elektronik dan bahan maujud seperti kad imbasan, papan gulung, carta, nota edaran dan buku teks kerana pendidikan JAIS sebelumnya lebih berpusatkan guru, bercirikan tradisional dan berorientasikan peperiksaan. Kegagalan guru menggunakan tiga jenis bahan pengajaran secara harmoni boleh menyebabkan fokus dan minat murid untuk belajar akan berkurangan (Mohd Faez Ilias, 2014).

Dalam mengulas dapatan soal selidik tentang pengetahuan guru berkaitan kemahiran berfikir dalam IHES, terdapat gambaran bahawa guru-guru masih kurang memahaminya khususnya untuk mengembangkan potensi akal murid-murid. Terdapat nisbah perbezaan yang agak ketara dalam nilai skor kekerapan iaitu seramai 114 orang menyamai 26.9 peratus yang tidak bersetuju dengan item berkenaan. Jumlah ini agak tinggi, sedangkan elemen kemahiran berfikir diletakkan

dalam bahagian yang khusus di dalam RPH untuk menguji dan menilai keupayaan murid-murid menyelesaikan sesuatu masalah. Tujuan utama JAIS mewujudkan sistem ini supaya murid-murid berupaya menyandarkan segala perbuatan baik dengan niat kerana Allah SWT dan mencadangkan perilaku yang sesuai setelah selesai PdPc. Pembelajaran yang memberi makna kepada murid-murid adalah sekurang-kurangnya mereka mampu mengutarakan pendapat, komentar dan maklumbalas hasil daripada penelitian yang rapi (Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2017).

Tahap pengetahuan guru juga diukur tentang penambahbaikan kualiti pengajaran yang dilakukan. Melalui dapatan soal selidik, guru-guru SRA JAIS kurang memahami konsep sebenar refleksi dalam pengajaran. Dalam konteks pengajaran, terdapat banyak aspek yang boleh dijadikan bahan-bahan refleksi. Bermula dengan aspek perancangan, pelaksanaan, penutup dan penilaian pengajaran yang boleh dilakukan secara spesifik. Sebagai contohnya dalam set induksi, pengembangan pengajaran, bahan-bahan, kawalan kelas, aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid dan lain-lain. Namun apa yang berlaku, guru-guru hanya menfokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran yang dibina melalui pengiraan peratus tanpa meneliti secara mendalam. Walaupun guru-guru mengakui dengan melaksanakan refleksi boleh meningkatkan kualiti pengajaran, tetapi tidak dilakukan secara menyeluruh. Melalui cara ini, dikhuatiri guru-guru akan menilai perkara yang sama dan menskopkan beberapa item sahaja untuk ditulis dalam refleksi pengajaran (Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri, 2010; Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha et al., 2012). Walhal dalam sesi pengajaran terlalu banyak sudut yang boleh dinilai dan dalam masa yang sama guru-guru akan sentiasa mencuba perkara baharu untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan.

Rumusan tahap pengetahuan guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan pengajaran berasaskan IHES adalah mencukupi. Pengetahuan guru mencakupi banyak aspek dari segi pengetahuannya tentang BPMG, RPH, bahan-bahan pengajaran, pemilihan kaedah, strategi, pendekatan dan teknik, elemen kemenjadian murid, penilaian dan refleksi murid dalam PdPc. Walaupun demikian, pengetahuan guru dari aspek bahan-bahan pengajaran, kemahiran berfikir dan refleksi pengajaran masih memerlukan pengukuhan dan pendedahan yang menyeluruh. Maka dengan itu, menjadi tanggungjawab JAIS untuk meningkatkan tahap pengetahuan guru-guru tersebut lebih-lebih lagi mereka ini mempunyai tahap pendidikan yang berbeza.

6.2 Kemahiran

Guru-guru SRA JAIS menunjukkan tahap kemahiran yang sederhana tinggi dalam pengajaran berasaskan IHES selepas menyertai kursus latihan yang dianjurkan. Walaupun begitu, mereka belum menguasai sepenuhnya kemahiran tersebut. Kemahiran yang ditekankan termasuk penulisan objektif pengajaran, pembahagian huraian sukatan pelajaran, pelaksanaan dan penilaian pengajaran, aplikasi kaedah dan teknik pengajaran, pembinaan bahan pengajaran, serta pemilihan strategi dan pendekatan yang sesuai. Guru-guru juga menguasai kemahiran set induksi, penilaian pembelajaran dari segi kognitif, afektif dan psikomotor serta memberi bimbingan kepada murid. Langkah set induksi dalam pengajaran seperti memulakan dengan basmalah, puji-pujian kepada Allah SWT, dan berselawat ke atas Nabi SAW, juga ditekankan sebagai langkah penting sebelum pengajaran dimulakan. Kelebihan yang diperolehi melalui kemahiran ini termasuk murid yang lebih bersedia, berminat dengan topik pengajaran dan bersemangat untuk mengikuti pembelajaran seterusnya.

Guru-guru SRA JAIS memiliki kemahiran yang baik dalam menilai murid-murid dari segi kognitif, afektif, dan psikomotor dalam pembelajaran berasaskan IHES. Hasil nilai min bagi ketiga-tiga aspek ini menunjukkan keputusan yang hampir sekata iaitu antara 4.25 hingga 4.28 memberikan interpretasi yang baik dalam mengukur tahap kemahiran guru-guru. Mereka telah mengikuti saranan JAIS untuk melaksanakan penilaian yang menumpukan kepada pembangunan domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam pengajaran. Pembangunan menyeluruh ini bertujuan untuk mencapai kejayaan dalam membentuk murid yang menghayati ilmu, berakhlak mulia, kompeten, cemerlang dalam akademik, dan mampu mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari (Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin Mohd Pisol, 2015; Zuraidah Othman & Aizan Ali @ Mat Zin, 2014). Asas pencapaian ini menjadi manifestasi dari pemahaman mendalam tentang iman, amal, ihsan, dan hari akhirat. Oleh itu, guru-guru mempunyai tanggungjawab untuk mengembangkan potensi murid-murid serta melaksanakan amanah ini dengan penuh kesungguhan agar matlamat tersebut tercapai.

Guru-guru SRA JAIS masih kurang berkemahiran dalam menulis objektif pengajaran dalam RPH yang merangkumi objektif IHES I&H. Di dalam ruangan objektif, pihak JAIS telah menetapkan dua objektif iaitu objektif pengajaran dan pembelajaran dan objektif IHES I&H. Guru-guru boleh mendapatkan maklumat objektif ini melalui BPMG. Objektif I&H memfokuskan kepada elemen kemenjadian murid yang dikehendaki oleh guru berdasarkan BPMG. Namun demikian, melalui dapatan data temu bual menjelaskan bahawa guru-guru mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menulis objektif pengajaran tersebut. Kriteria-kriteria yang dipersetujui adalah perlu merujuk dokumen BPMG sebagai panduan. Walaupun demikian, jika diperhalusi lagi paparan data guru yang mempunyai ikhtisas dan tidak mempunyai ikhtisas adalah sangat berbeza (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2018). Tambahan pula secara purata, majoriti guru-guru SRA JAIS yang mengikuti latihan pengajaran berkaitan IHES adalah sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan (IMANS, 2020). Oleh yang demikian, menjadi kecenderungan guru-guru tidak menguasai sepenuhnya kemahiran membina objektif pengajaran berdasarkan kriteria-kriteria objektif pengajaran adalah lebih tinggi. Bidang perguruan adalah bidang profesional yang memerlukan kursus dan bimbingan secara klinikal dan sistematik.

Selain itu, kajian ini turut mendapati tahap kemahiran guru dalam membina bahan pembelajaran mengikut kesesuaian isi pelajaran dan kaedah yang dipilih masih ditahap sederhana tinggi. Begitu juga tahap kemahiran guru menggunakan kemahiran berfikir dalam pembelajaran dan amalan refleksi pengajaran masih ditahap sederhana tinggi. Jika dirujuk pada tahap pengetahuan guru, terdapat kesinambungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang guru kuasai. Kemahiran guru dalam membina bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kaedah yang dipilih memerlukan persediaan awal, latihan yang kerap dan pengalaman mengendalikan kelas yang pelbagai (Hamdzun Haron et al., 2020). Lebih-lebih lagi bahan-bahan yang melibatkan media elektronik. Antara kriteria pemilihan bahan bantu pengajaran mestilah sesuai dengan tajuk, latar belakang murid, tidak merbahaya, berteknologi rendah dan sederhana dan sesuai dengan tahap pemikiran murid (Mohd Faez Ilias et al., 2016). Proses ini berupaya memantapkan kemahiran guru dalam membina bahan yang sesuai dari semasa ke semasa.

Komponen utama yang diberi penekanan dalam IHES adalah penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan murid-murid. Elemen ini terkandung di dalam hasil pembelajaran iaitu I&H setiap kali sesi pengajaran. Walaupun demikian, kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir berdasarkan IHES masih terdapat

kekurangan walaupun secara asasnya memahami teknik-teknik penyilaian. Guru-guru kurang berjaya mengaitkan hasil pembelajaran I&H dengan aktiviti yang direncanakan. Dalam usaha merancang hasil pembelajaran hendaklah merujuk dokumen BPMG dan HSP yang disediakan pihak JAIS. Selain itu, hasil pembelajaran mestilah sesuatu yang boleh diukur, dicapai mengikut tempoh, realistik dan mengikut tahap pemikiran (Akhlar Pardi & Shamsina Samsuddin, 2014). Namun demikian, masih terdapat beberapa dokumen BPMG mengikut bidang mata pelajaran yang masih tidak lengkap. Hal ini sedikit sebanyak mengganggu proses menerapkan elemen kemahiran berfikir dalam sesi pengajaran lebih-lebih lagi bagi guru novis. Antara faktor penting untuk melaksanakan pengajaran berasaskan kemahiran berfikir adalah pemahaman dan kemahiran dalam ilmu bidang, pendekatan pedagogi yang sesuai, sumber pengajaran dan latihan pembangunan pengajaran kepada guru-guru (Mohd Isa Hamzah et al., 2018). Bersandarkan PAK-21, guru-guru SRA JAIS berusaha melaksanakannya dengan cara pendekatan pembelajaran berpusatkan murid dan penerapan nilai-nilai murni (Zubair Amir Nur Rashid et al., 2019). Implikasi pengajaran yang menggunakan kemahiran berfikir akan mengarah kepada pembangunan jati diri murid yang berupaya menyandarkan segala perbuatan baik dengan niat kerana Allah SWT dan mencadangkan perilaku yang sesuai setelah selesai PdPc.

6.3 Sikap

Perbincangan ketiga adalah berkaitan tahap pencapaian guru-guru SRA JAIS dari aspek sikap yang diperolehi melalui program latihan yang disertainya. Secara keseluruhannya dapatlah diyakini bahawa guru-guru SRA JAIS mempunyai sikap yang positif dalam usaha melaksanakan pengajaran berdasarkan IHES. Sikap positif tersebut diterjemahkan dalam aspek perancangan, pelaksanaan, penyediaan bahan, penerapan nilai dan penilaian pengajaran. Semua item mendapat nilai skor min yang lebih kurang sekata. Situasi tersebut memberi gambaran bahawa guru-guru tidak menolak sistem pengajaran yang ditetapkan oleh JAIS. Dapatan ini menyokong kajian terdahulu yang menjelaskan bahawa guru-guru menunjukkan sikap yang positif dalam melaksanakan pengajaran kerana pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi serta tanggungjawab yang ingin dilaksanakan (Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan, 2018). Dalam hal ini terdapat keselarasan antara tahap pengetahuan dan sikap guru dalam pengajaran iaitu sekiranya pengetahuan guru meningkat maka sikap guru juga akan turut meningkat (Nur Ilda Kamaruzaman & Aliza Alias, 2020). Walaupun demikian, berdasarkan dapatan kajian tersebut boleh diperhatikan terdapat item yang memperolehi skor min yang terendah berkaitan keutamaan menggunakan domain kognitif dalam penilaian pembelajaran. Guru-guru SRA JAIS telah menyahut seruan pihak JAIS supaya beralih kepada '*outcomes based learning*' dengan menumpukan pada pembangunan insan kamil secara menyeluruh (Mohammad Amir Danuri, 2017). Hasrat dan gagasan tersebut disebutkan dalam matlamat pelaksanaan IHES dan dilaksanakan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan JAIS. Justeru itu, penggabungan domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam penilaian pendidikan merupakan suatu pendekatan yang disepakati dan dipersetujui (Habibah@Artini Ramlie, 2017). Dengan pendekatan demikian, diharapkan dapat menghasilkan murid-murid yang menghayati ilmu, berkemahiran dan mempunyai akhlak yang baik.

Akhirnya terdapat beberapa tahap yang diperolehi berkaitan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru SRA JAIS selepas mengikuti program latihan yang disertainya. Dari aspek pengetahuan, guru-guru SRA JAIS mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran berasaskan IHES. Namun demikian, terdapat beberapa aspek yang masih kurang difahami dan

perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS masih di tahap kurang mahir dalam pelbagai aspek yang melibatkan kemahiran asas dalam pengajaran. Sikap guru-guru SRA JAIS secara keseluruhannya adalah sangat baik. Mereka mempunyai sikap tanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pengajaran berasaskan IHES.

7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa tahap yang diperolehi berkaitan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru SRA JAIS selepas mengikuti program latihan yang disertainya. Dari aspek pengetahuan, guru-guru SRA JAIS mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran berasaskan IHES. Namun demikian, terdapat beberapa aspek yang masih kurang difahami dan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS masih di tahap kurang mahir dalam pelbagai aspek yang melibatkan kemahiran asas dalam pengajaran. Sikap guru-guru SRA JAIS secara keseluruhannya adalah sangat baik. Mereka mempunyai sikap tanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pengajaran berasaskan IHES. Melalui dapatan kajian ini juga, mengharapkan pihak JAIS dapat merujuk dan membuat pertimbangan wajar tentang pelaksanaan program latihan guru dengan mengambil kira maklumat-maklumat yang dipaparkan dalam membuat keputusan. Usaha merujuk sistem yang telah diperkasakan dengan mengambil kira model-model Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan modul latihan guru yang diamalkan di tempat lain dapat membantu menambah nilai kualiti sesuatu program yang dilaksanakan.

8.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Siti Muhibah Haji Nor. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 2(3), 28–42.
- Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Husin, & Mohd Aderi Che Noh. (2015). Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1–14.
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Ahmad Yunus Kasim, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Akhlar Pardi, & Shamsina Samsuddin. (2014). Rancangan Pengajaran Harian (Edisi kedua). Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri, & Azreen Effendy Mohamad. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–7.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2013a). Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) IHES Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor Tahun 5 (Pertama). Bahagian Pendidikan Islam JAIS
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2013b). Pelan Strategik JAIS 2015-2019.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2018). Bidang Tugas, Perkhidmatan, Aktiviti dan Direktori IMANS. <https://Pendidikan.Jais.Gov.My/Ulp>.

- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). *Educational Research: Competencies For Analysis and Applications* (1st ed.). Pearson Publishing.
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhyyah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Hamdzun Haron, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Hamdzun Haron. (2020). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 125–140.
- IMANS. (2020). *Pengurusan dan Pentadbiran Kursus-Kursus Di Bawah IMANS* (p. 2).
- Kamarul Azmi Jasmi, & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. (2015). *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman*. Persatuan Intektual Muslim Malaysia.
- Kamarulnizam Sani, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). *Penilaian Terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Di Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor*. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 1–6.
- Karwadi. (2009). *Tujuan pendidikan islam dalam pemikiran hasan langgulung*. *Journal PAI*, 4(2), 137–158.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Mohamad Fuad Ishak, Ab. Halim Tamuri, Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Zetty Nurzuliana Rashed, & Suziana Hanini Sulaiman. (2015). *Tahap Kepuasan Bekerja Dari Aspek Hubungan Rakan Sekerja Dalam Kalangan Guru-Guru KAFA Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor*. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan KUIS*, 2(2015), 62–78.
- Mohammad Amir Danuri. (2017). *Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*. In *Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor* (pp. 1–16).
- Mohd Azmi Mat Yusoff. (2016). *Penilaian Program Latihan Dalam Perkhidmatan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faez Ilias. (2014). *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam*. In *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository* (Issue January 2014).
- Mohd Faez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan GPI Sekolah Bestari*. *International Seminar on Tarbiyah (ISoT2016)*, 5(2), 106–114.
- Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2017). *Penilaian Terhadap Perlaksanaan Sistem Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama JAIS*. *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*, 1–23.
- Mohd Isa Hamzah, Nursafra Mohd Zhaffar, & Khadijah Abdul Razak. (2018). *Barriers in Teaching Critical Thinking in Islamic Education*. *Creative Education*, 09(14), 2350–2356.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri, & Rohizan Ya. (2012). *Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan*. *Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*, 289–303.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). *Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak*. *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(2), 1–9.

- Muhamad Asmadi Mustakim. (2017). Dasar dan Pelaksanaan IHES JAIS (pp. 1–3).
- Nor Amalina Ab Hakim, & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) Dalam Mata Pelajaran Sains. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018), 72–82.
- Nur Ilda Kamaruzaman, & Aliza Alias. (2020). Hubungan Antara Pengetahuan dengan Sikap Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Terhadap Pembelajaran Kolaboratif. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1).
- Ramlan Mustapha. (2017). Rekabentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2012). *Using Multivariate Statistics* (6th ed.). Pearson Education, Inc.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 59–66.
- Zubair Amir Nur Rashid, Nur Mardia Mazri, Mohd Fuad Md Sawari, & Nan Noorhidayu Megat Laksamana. (2019). Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad ke -21. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 81–90.
- Zuraidah Othman, & Aizan Ali @ Mat Zin. (2014). Pendidikan Integratif Dalam Islam: Kesepaduan Iman, Ilmu Dan Amal. *Al Muqaddimah*, 2(2), 21–45.